



PELAJAR UITM bersama pensyarah menunjukkan produk inovasi penghasilan sabun daripada minyak masak terpakai.

Cipta sabun guna minyak masak terpakai

Faiz Hasan

KLEBANG - Hanya menggunakan minyak masak terpakai dan beberapa bahan asas, sekumpulan pelajar berjaya mencipta sebuku sabun mandi.

Inovasi mengolah minyak masak terpakai kepada sabun kegunaan harian merupakan antara projek yang disiapkan pelajar lepasan akhir Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor.

Ketua Projek, Muhammad Hafizuddin Zainal Fitri, 24 berkata, minyak terpakai dicampur tigabahan iaitu air suling, sodium hidroksida dan pewangi sahaja sudah mampu membentuk sebuku

sabun.

"Dengan tiga bahan asas ini saja sudah mampu membentuk sabun yang boleh digunakan dalam seharian.

"Sabun yang asalnya daripada minyak masak terpakai dicampurkan dengan daun limau purut yang diracik dan kulit lemon ini boleh digunakan untuk kegunaan luar seperti membasuh tangan, pakaian atau pinggan mangkuk.

"Biarapun ia tidak diuji secara klinikal dan tidak sesuai digunakan untuk kulit kita, namun ia mampu digunakan untuk kegiatan lain dan ini membantu kita untuk mengurangkan pembuangan minyak masak terpakai di rumah," katanya pada Program 360 Waste Solution di Taman Bukit

Rambai di sini, 10 Jun lalu.

Ujarnya, Projek akhir dinamakan sebagai 'Turning Waste Into Wealth: Cooking Oil Recycling' itu mampu mengubah persepsi dan memberi kesedaran kepada masyarakat bagi menghargai dan mempraktikkan amalan kitar semula khususnya dari rumah.

"Dalam projek ini kita dedahkan ilmu ini secara percuma kepada orang ramai untuk mengetahui prinsip asas membentuk sabun dengan bahan yang mudah.

"Kita harap ia sedikit sebanyak membantu masyarakat di luar sana supaya sedar bahawa bahan kitar semula ini sebenarnya boleh dikomersialkan kalau kena pada tempatnya," katanya.